

**Kukuhkan pelan transformasi
Utusan Online
24 Ogos, 2012
Oleh MOHD. AZRIN MUHAMMAD**

KUALA LUMPUR 23 Ogos - Perancangan mantap Bajet 2013 mampu menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara bagi jangka masa panjang selain mengukuhkan pelan Transformasi Ekonomi.

Pengerusi Pusat Pengajian Polisi Awam Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI), Tan Sri Ramon Navaratnam berkata, Bajet 2013 wajar diteliti dan diberi penekanan bagi mengekalkan ekonomi pada kadar pertumbuhan jangka masa lebih panjang.

"Kita jangan terlalu selesa dengan pencapaian awal ini (jangkaan Bank Negara) tetapi perlu bersedia menghadapi pelbagai ancaman ekonomi global," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

"Pencapaian itu belum boleh dibanggakan kerana dunia kini sedang dilanda pelbagai krisis serius serta ancaman ekonomi, malah Malaysia sendiri masih mengalami masalah sosio ekonomi dan politik yang kritikal.

"Bajet 2013 perlu diteliti sebelum dibentangkan agar dapat dijadikan struktur strategik yang mampu mengekalkan perolehan ekonomi jangka pendek, malah mengukuhkan pelan Transformasi Ekonomi yang mendorong kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang," katanya.

Beliau mengulas berkenaan Bajet 2013 yang akan dibentangkan pada 28 September ini dan kenyataan yang dikeluarkan Bank Negara baru-baru ini yang menyatakan ekonomi negara berkembang menjangkau sasaran awal.

Anggaran yang dibuat Bank Negara ialah negara mampu mencapai 5.4 peratus pada suku akhir tahun lepas manakala 4.9 peratus bagi suku pertama tahun ini, sekali gus melepasi sasaran awal iaitu 4.6 peratus.

Tambah Navaratnam, bajet seimbang mampu digunakan untuk menangkis masalah defisit bajet tetapi ia akan jadi sebaliknya jika kerajaan tidak memperbanyakkan kaedah bagi menghalang kemerostoon defisit bajet dan hutang.

"Semua harus sedar kita (Malaysia) mempunyai masalah lain termasuk aliran keluar modal swasta yang besar, jurang pendapatan golongan kaya dengan miskin, peningkatan inflasi, rasuah yang meluas dan jenayah berterusan," katanya.

Beliau turut menggesa Malaysia supaya belajar dari kesilapan negara Eropah seperti Greece yang mengalami masalah ekonomi serius secara perlahan dan hampir tidak disedari.

"Kita perlu belajar dari kesilapan buruk mereka. Kita mesti mengambil tindakan pembetulan yang tepat melalui bajet 2013 agar dapat melindungi dan memastikan daya maju jangka panjang dan keseimbangan ekonomi kita," jelasnya.

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120824/dn_01/Kukuhkan--pelan-transformasi